



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC)

LAPORAN

**SIASATAN KE ATAS KELEMAHAN PENGUATKUASAAN OLEH JABATAN
PERIKANAN (JP) DAN AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
(APMM) KE ATAS PENCEROBOHAN BOT KENKA DI PANTAI TANJUNG
PIANDANG, KUALA KURAU, PERAK**

**LAPORAN SIASATAN KE ATAS KELEMAHAN PENGUATKUASAAN OLEH
JABATAN PERIKANAN (JP) DAN AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM
MALAYSIA (APMM) KE ATAS PENCEROBOHAN BOT PUKAT KENKA DUA BOT
DI PANTAI TANJUNG PIANDANG, KUALA KURAU, PERAK**

1. PENGENALAN

- 1.1 Suruhanjaya telah menerima aduan berkenaan kelemahan penguatkuasaan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (JP) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pemilik lesen pukat kenka dua bot atau tekongnya terutamanya pencerobohan di kawasan Pantai Tanjung Piandang, Kuala Kurau, Perak yang dikatakan sebagai telah beroperasi dalam lingkungan lima (5) nautika batu dari kawasan pantai sehingga menjejaskan hasil tangkapan dan pendapatan nelayan-nelayan pesisir pantai dan merosakkan eko-sistem dasar laut di kawasan berkenaan. Lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan bagi bot-bot kenka hanya membenarkan operasi penangkapan ikan di luar dari kawasan lima (5) nautika batu dari kawasan persisiran pantai. Lesen sedemikian hanya diberikan di negeri Perak sahaja.
- 1.2 Walaupun telah banyak aduan dibuat oleh individu dan persatuan nelayan pantai sejak tahun 2007, tetapi pencerobohan masih lagi berleluasa dan tiada tindakan penyelesaian diambil oleh agensi-agensi berkaitan.
- 1.3 Aduan juga ada dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatan Kuasa Keselamatan Kampung (JKKK) Parit Sungai Melan, Kuala Kurau pada setiap bulan yang turut dihadiri oleh Penghulu Mukim dan kadang kala turut dihadiri oleh agensi-agensi berkenaan seperti JP, APMM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Namun, tiada tindakan susulan yang berkesan diambil oleh pihak-pihak.
- 1.4 Semenjak tahun 2007 sehingga 2013, pengadu telah membuat aduan berkenaan pencerobohan bot pukat kenka dua bot dan penguatkuasaan yang tidak berkesan ini kepada jabatan-jabatan/kementerian/organisasi berkaitan. Sejumlah 86 aduan telah dilaporkan kepada pihak APPP, Cawangan Kuala

Kurau, Perak. Walau pun JP, APMM dan PDRM memberi maklum balas berkaitan tindakan penguatkuasaan dan pencegahan yang telah mereka lakukan bagi menangani isu tersebut, tetapi tindakan tersebut tidak berkesan dan pencerobohan masih terus berleluasa dan keadaan tersebut telah menimbulkan ketegangan hubungan di antara nelayan pantai dan operator bot-bot kenka.

1.5 Pengadu yang juga merupakan Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) Parit Sungai Melan telah membuat aduan bahawa:

- (a) Pemantauan yang dijalankan oleh APMM tidak berterusan dan APMM telah gagal untuk mengambil tindakan ke atas aduan yang dibuat di mana APMM gagal untuk pergi ke lokasi yang diadukan setelah menerima aduan atau lambat untuk pergi ke lokasi yang diadu atau pergi ke lokasi lain iaitu bukan lokasi yang diadukan;
- (b) Bot APMM yang membuat rondaan berkala di laut telah gagal untuk mengambil tindakan ke atas bot-bot pukat kenka dua bot yang sedang beroperasi di kawasan atau pada waktu yang tidak dibenarkan;
- (c) Anggota-anggota APMM telah membocorkan maklumat identiti individu-individu yang membuat aduan berkaitan pencerobohan tersebut dan perkara ini mendatangkan kebimbangan keselamatan diri ke atas nelayan pesisir pantai kerana mereka mempercayai bahawa pemilik lesen bot pukat kenka ini juga terlibat dengan kegiatan gangsterisme.

2. PASUKAN PENYIASAT

Berikutan daripada aduan ini, EAIC telah membuka Kertas Siasatan (KS16/11/2014) bagi siasatan penuh aduan dijalankan. Bagi tujuan tersebut, satu pasukan siasatan yang dianggotai oleh enam orang pegawai EAIC telah dibentuk di bawah seliaan terus oleh Pengarah Bahagian Operasi EAIC.

3. TERMA-TERMA RUJUKAN

Terma-terma Rujukan (*terms of reference*) Pasukan Penyiasat adalah seperti berikut:

- (a) Untuk mengenal pasti sama ada terdapat sebarang salah laku seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 24 Akta 700 oleh pegawai / anggota JP dan APMM atau agensi lain yang berkaitan dalam menjalankan penguatkuasaan Akta Perikanan 1985 berkaitan pelanggaran syarat lesen bot pukot kenka dua bot.
- (b) Sekiranya terdapat salah laku dizahirkan, untuk menentukan dan mengenal pasti:
 - (i) bagaimana dan mengapa salah laku itu terjadi;
 - (ii) apakah peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, *Standard Operating Procedures* (SOP) atau mekanisme yang tidak dipatuhi yang menyebabkan berlakunya salah laku tersebut;
 - (iii) siapakah individu yang bertanggungjawab ke atas salah laku tersebut;
 - (iv) mengenal pasti agensi yang terlibat; dan
 - (v) apakah yang menyumbang kepada salah laku atau kelemahan penguatkuasaan agensi berkenaan.
- (c) Untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi, atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya dalam menyiasat kes kelemahan penguatkuasaan pencerobohan bot pukot kenka dua bot tersebut selaras dengan peruntukan Akta 700.

- (d) Untuk menyediakan dan mengedarkan laporan mengenai hasil dan dapatan siasatan yang dilakukan kepada Suruhanjaya.

4. TATACARA PASUKAN PENYIASAT

Kaedah siasatan dibahagikan kepada berikut:

- (a) Pengumpulan maklumat secara mendapatkan dokumen- dokumen yang relevan selaras dengan terma rujukan;
- (b) Lawatan ke tempat kejadian termasuk membuat observasi; dan
- (c) Merekodkan keterangan saksi-saksi di bawah seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) dibaca bersama seksyen 32 Akta 700.

5 RAKAMAN KETERANGAN SAKSI

(a) Saksi-saksi yang dirakamkan semasa siasatan.

5.1. Seramai 15 orang saksi dirakam percakapan dan keterangan. Mereka terdiri dari 7 orang nelayan pesisir pantai Tanjung Piandang, 4 orang Pegawai Jabatan Perikanan, 2 orang pegawai APMM, seorang pegawai Majlis Keselamatan Negara Daerah Kerian dan seorang Penghulu Mukim Kuala Kurau. Saksi-saksi tersebut termasuk dua orang pegawai JP Daerah Kerian, dan Ketua Penguatkuasaan Pengkalan APMM Kuala Kurau. Keterangan turut diambil daripada Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber JP, Putrajaya. Rakaman percakapan turut diambil daripada Timbalan Ketua Pengarah Operasi APMM (sekarang Ketua Pengarah APMM).

(b) Secara ringkas keterangan saksi-saksi.

5.2. Secara ringkas keterangan saksi-saksi tersebut adalah seperti berikut:

5.2.1. Saad bin Samsi (A1):

- (i) Beliau adalah seorang nelayan pesisir pantai di Tanjung Piandang dan memegang jawatan Setiausaha JKKK Parit Sungai Melan, Kuala Kurau;
- (ii) Beliau telah membuat aduan-aduan berkenaan pencerobohan bot pukat kenka dua bot atas kapasiti beliau sebagai Setiausaha JKKK;
- (iii) Beliau ada melihat pencerobohan bot pukat kenka dua bot yang masuk menangkap ikan di kawasan yang dikhaskan untuk nelayan pesisir pantai yang mana kawasan ini tidak dibenarkan untuk bot pukat kenka dua bot beroperasi;
- (iv) Menurut beliau pencerobohan bot-bot kenka tersebut telah menyebabkan kerosakan pukat nelayan pesisir pantai, kemusnahan benih-benih dan anak-anak ikan, siput dan kerang yang menyebabkan hasil tangkapan dan pendapatan nelayan pesisir pantai berkurangan;
- (v) Beliau telah membuat banyak aduan kepada APMM berkaitan pencerobohan bot pukat kenka dan mendakwa aduannya tidak diambil tindakan sewajarnya; dan
- (vi) Beliau juga mendakwa bahawa berlaku kebocoran identiti pengadu kepada operator bot pukat kenka yang boleh menjejaskan keselamatan diri pengadu.

5.2.2. **Md Hassin bin Abdullah (A2):**

- (i) Beliau adalah seorang nelayan pesisir pantai di Tanjung Piandang;
- (ii) Beliau ada melihat pencerobohan bot pukat kenka dua bot yang masuk menangkap ikan di kawasan yang dikhaskan untuk nelayan pesisir pantai yang mana kawasan ini tidak dibenarkan untuk bot pukat kenka beroperasi;
- (iii) Menurut beliau, keadaan ini telah menyebabkan kerosakan pukat nelayan pesisir pantai, benih-benih dan anak-anak ikan, siput dan kerang yang menyebabkan pendapatan nelayan pesisir pantai berkurangan;
- (iv) Beliau pernah membuat aduan kepada APMM berkenaan pencerobohan bot pukat kenka dua bot namun beliau tidak lagi mahu membuat aduan kerana mendakwa pihak APMM mendedahkan identiti beliau kepada pengusaha atau tekong pukat kenka; dan
- (v) Beliau juga mendakwa selepas membuat aduan kepada APMM, tiada tindakan diambil oleh APMM ke atas aduannya.

5.2.3. **Mohd Khusairi bin Mat Sharif (A3):**

- (i) Beliau adalah seorang pesara tentera yang mencari pendapatan tambahan melalui pekerjaan sebagai seorang nelayan pesisir pantai di Tanjung Piandang;
- (ii) Beliau ada melihat pencerobohan bot pukat kenka dua bot yang masuk menangkap ikan di kawasan yang dikhaskan untuk nelayan pesisir pantai yang mana kawasan ini tidak dibenarkan untuk bot pukat kenka beroperasi;

- (iii) Menurut beliau, keadaan ini telah menyebabkan kerosakan kepada pukot nelayan pesisir pantai, kemusnahan benih-benih dan anak-anak ikan, siput dan kerang yang menyebabkan hasil tangkapan dan pendapatan nelayan pesisir pantai berkurangan;
- (iv) Beliau pernah membuat aduan terhadap pencerobohan bot pukot kenka dua bot yang telah menyebabkan pukatnya rosak kepada Jabatan Perikanan (JP) Daerah Kerian tetapi beliau diminta memberi nombor bot pukot kenka tersebut, namun beliau tidak dapat memberikan nombor bot tersebut kerana keadaan cuaca yang gelap dan bot tersebut terus melarikan diri selepas melanggar pukatnya;
- (v) Menurut beliau lagi, JP Daerah Kerian telah mengesyorkan supaya beliau membuat aduan di balai polis untuk mendapat penggantian kerosakan pukot tetapi beliau tidak berbuat demikian sebaliknya melaporkan kejadian kepada JP Putrajaya secara telefon pada 4 Disember 2014; dan
- (vi) Susulan daripada aduan tersebut, JP Putrajaya telah memaklumkan kepada beliau pada 16 Disember 2014 bahawa JP Putrajaya telah menempatkan anggota di pintu masuk muka laut selama 24 jam. Saksi juga mendapati terdapat kehadiran polis marin di kawasan yang diadukan itu.

5.2.4. **Shaharudin bin Ahamad Salim (A4):**

- (i) Beliau adalah seorang nelayan pesisir pantai di Tanjung Piandang.
- (ii) Beliau ada melihat pencerobohan bot pukot kenka dua bot yang masuk menangkap ikan di kawasan yang dikhasakan untuk nelayan pesisir pantai yang mana kawasan ini tidak dibenarkan untuk bot pukot kenka beroperasi. Melalui pemerhatian beliau,

kebiasaannya bot-bot pukat kenka akan datang dalam 10 pasang (iaitu 20 bot);

- (iii) Beliau pernah membuat aduan kepada APMM berkenaan pencerobohan bot pukat kenka dua bot namun pihak APMM hanya datang ke lokasi yang diadu selepas 4 jam menyebabkan penceroboh pukat kenka telah meninggalkan lokasi; dan
- (iv) Beliau pernah menghadiri Program Dialog antara APMM dengan nelayan di kawasan Sungai Burung Kuala Kurau sebanyak 2 kali yang diuruskan oleh APMM namun ianya tidak berkesan kerana operasi penguatkuasaan hanya digiatkan dalam tempoh beberapa bulan sahaja dan akan kembali kepada keadaan asal.

5.2.5. **Abu Bakar bin Jumri (A5):**

- (i) Beliau adalah seorang nelayan pesisir pantai di Tanjung Piandang. Beliau juga adalah Ketua Kampung Parit Sungai Melan, Kuala Kurau;
- (ii) Beliau mengatakan telah banyak mendengar rungutan dari nelayan pesisir pantai mengenai kegiatan pencerobohan bot pukat kenka dan beliau juga telah membawa perkara ini ke dalam mesyuarat JKKK Parit Sungai Melan;
- (iii) Beliau pernah bekerja dalam bot pukat kenka dan pernah menyaksikan sendiri kebocoran maklumat berkenaan waktu rondaan bot APMM akan keluar meronda yang dihantar oleh individu tertentu kepada tekong Bot Pukat Kenka melalui khidmat pesanan ringkas (SMS);
- (iv) Beliau mengatakan bahawa lesen yang dikeluarkan kepada Bot Pukat Kenka adalah lesen kenka tetapi mereka menggunakan pukat apollo yang boleh membawa kerosakan kepada kehidupan

laut, benih-benih ikan dan siput serta kerang dan juga pukat-pukat nelayan pesisir pantai yang dipasang di kawasan persisir pantai tersebut;

- (v) Menurut beliau, pengusaha bot pukat kenka dua bot telah menjalankan operasi menangkap ikan di kawasan yang dikhaskan untuk nelayan pesisir pantai yang merupakan kawasan yang tidak dibenarkan bagi bot pukat kenka dan mereka juga tidak mengikut syarat dari segi masa operasi menangkap ikan yang dibenarkan bagi bot pukat kenka;
- (vi) Beliau juga percaya berkemungkinan wujudnya perbuatan rasuah dalam penguatkuasaan yang menyebabkan isu pencerobohan bot pukat kenka dua bot ini berlanjutan tanpa tindakan yang berkesan;
- (vii) Berdasarkan pemerhatian beliau, apabila bot APMM berlabuh di Sungai Burung berhampiran persisir pantai tersebut, aktiviti bot pukat kenka dua bot akan berkurangan akibat kehadiran bot APMM; dan
- (viii) Beliau mengatakan isu dan masalah pencerobohan bot-bot kenka tersebut ada dalam pengetahuan Pegawai Daerah dan Kerajaan Negeri namun mereka menyatakan perkara tersebut adalah untuk tindakan agensi penguatkuasa berkenaan, tetapi tindakan agensi penguatkuasa berkenaan adalah mengecewakan.

5.2.6. **Sharul Azam bin Omar (A6):**

- (i) Beliau adalah seorang bekas tentera yang bekerja sebagai nelayan pesisir pantai di Tanjung Piandang. Beliau tahu ada pencerobohan bot pukat kenka dua bot yang masuk menangkap ikan di kawasan yang dikhaskan untuk nelayan pesisir pantai

yang mana kawasan ini tidak dibenarkan untuk bot pukat kenka beroperasi;

- (ii) Menurut beliau, pencerobohan oleh bot-bot kenka tersebut telah menyebabkan kerosakan pukut nelayan pesisir pantai, benih-benih dan anak-anak ikan, siput dan kerang yang menyebabkan pendapatan nelayan pesisir pantai berkurangan;
- (iii) Beliau mendakwa selalu membuat aduan kepada APMM berkenaan bot pukut kenka dua bot yang membuat operasi menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan, iaitu kawasan yang dikhaskan untuk nelayan pesisir pantai dan pada waktu malam iaitu waktu yang tidak dibenarkan;
- (iv) Setelah membuat semakan di APMM beliau mendapati daripada 10 aduan yang dibuat hanya satu aduan saja yang direkodkan; dan
- (v) Beliau tidak puas hati dengan penguatkuasaan oleh APMM yang dianggap lemah dan tidak berkesan dan rondaan pemantauan yang dibuat tidak bersungguh-sungguh dan tidak berterusan menyebabkan isu ini tidak dapat diselesaikan.

5.2.7. Ramli bin Che Ngah (A7):

- (i) Beliau adalah nelayan pesisir pantai di Tanjung Piandang dan pendapatan beliau amat terjejas dengan aktiviti pencerobohan bot pukut kenka dua bot;
- (ii) Beliau pernah menerima maklumat dari kawannya yang bekerja sebagai awak-awak dalam bot pukut kenka dua bot bahawa bot mereka ditahan oleh polis marin pada 13 Januari 2015 jam 7.30 pagi atas kesalahan menjalankan operasi tangkapan ikan di kawasan yang tidak dibenarkan iaitu di kawasan pesisir pantai

dan pihak polis marin telah meminta wang rasuah sebanyak RM4,000.00 untuk menyelesaikan kes tersebut dan akhirnya mereka bersetuju menerima RM2,000.00; dan

- (iii) Menurut beliau, berdasarkan kepada maklumat kawannya itu, adalah menjadi kebiasaan bagi seorang tekong bot pukat kenka dua bot membawa wang ke laut bagi memudahkan mereka memberi rasuah kepada pihak penguatkuasa.

5.2.8. **Razali bin Mat Akit (A8):**

- (i) Beliau adalah merupakan Ketua Pengkalan Perlindungan Sumber, Bahagian Penguatkuasaan, Pejabat Perikanan Daerah Kerian;
- (ii) Bertanggungjawab membuat pemantauan perairan liputan (daripada sempadan Pulau Pinang sehingga ke Bagan Pancur Perak yang melibatkan jarak 72 batu nautika pesisiran pantai hingga tengah laut pada jarak 8 batu nautika) secara berkala sebanyak 4 kali sebulan bagi sebuah bot; dan
- (iii) Juga bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Perikanan 1985 dan Peraturan-peraturan Kaedah-Kaedah Sungai Negeri Perak 1992.

5.2.9. **Mohd Ridzuan bin Ahmad (A9):**

- (i) Beliau adalah merupakan Timbalan Ketua Daerah JP Kerian dan bertanggungjawab membantu mengawal selia urusan pentadbiran, pelesenan dan keselamatan pejabat serta bertanggungjawab meluluskan permohonan lesen-lesen bot peringkat daerah;

- (ii) Menurut beliau, JP Daerah Kerian telah mengambil tindakan terhadap pencerobohan bot pukot kenka dua bot dengan mengadakan rondaan dan tangkapan di mana hukuman yang dikenakan ialah secara memberikan kompaun ke atas kesalahan;
- (iii) Beliau menambah bahawa JP mempunyai kuasa untuk menarik balik lesen atau membatalkan lesen jika berlaku pelanggaran syarat tetapi rekod bagi tahun 2012 hingga 2014 tidak ada menunjukkan lesen dibatalkan atau ditarik balik, hanya kompaun sahaja dikenakan terhadap pesalah;
- (iv) Beliau mengatakan bahawa lesen bot pukot kenka dua bot hanya dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian Industri dan Asas Tani manakala pembaharuan lesen setahun sekali dibuat oleh Jabatan Pertanian Kuala Kurau dan siasatan dibuat semula ke atas pemilik lesen tersebut setiap kali pembaharuan lesen dipohon; dan
- (v) Beliau mengatakan faktor pencerobohan bot pukot kenka dua bot ini berlaku ialah kerana kawasan dan keluasan yang dibenarkan adalah sama dan tiada pertambahan keluasan sejak 30 tahun dahulu menyebabkan tangkapan yang berkurangan untuk menampung kos sara hidup nelayan-nelayan pukot kenka dan tambahan pula kawasan pesisir pantai mempunyai ikan yang banyak dan menjimatkan kos operasi dari segi minyak.

5.2.10. **V. Rajaram a/l Visvalingam (A10):**

- (i) Beliau adalah merupakan Penolong Ketua Pengkalan Perlindungan Sumber, Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang dan bertanggungjawab membuat rondaan pemantauan keseluruhan perairan Pulau Pinang dan menguatkuasakan Akta Perikanan 1985 dan peraturan-peraturan di bawahnya;

- (ii) Menurut beliau, di perairan Pulau Pinang juga terdapat kes-kes yang diadu berkaitan kesalahan yang dilakukan oleh bot pukat kenka. Sebelum APMM mengambil alih operasi penguatkuasaan di bawah Akta Perikanan 1985 sekitar awal tahun 2000, JP Pulau Pinang mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang diterima tetapi setelah penguatkuasaan diambilalih oleh APMM, segala aduan dibuat kepada APMM. Walau bagaimanapun, Bahagian Perlindungan Sumber, Pejabat Perikanan Pulau Pinang masih menjalankan tugas-tugas pemantauan ke atas bot-bot pukat kenka dua bot yang melakukan kesalahan pelanggaran syarat lesen iaitu rondaan dan pemantauan sebanyak 4 kali sebulan bagi setiap bot;
- (iii) Menurut beliau lagi, dalam menjalankan tugas pemantauan ini JP Pulau Pinang tetap akan menahan atau menangkap sekiranya menemui apa-apa aktiviti yang menjadi kesalahan di bawah Akta Perikanan. Walau pun selepas pengambilalihan penguatkuasaan oleh APMM, JP Pulau Pinang masih lagi mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang diterima; dan
- (iv) JP Pulau Pinang akan menjalankan pemantau secara mengejut untuk memastikan maklumat pemantauan tidak bocor awal atau diketahui oleh tonto.

5.2.11. Mohd Sufian bin Sulaiman (A11):

- (i) Beliau adalah merupakan Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber, JP Putrajaya, Malaysia dan bertanggungjawab mengurus sumber perikanan negara yang melibatkan perlesenan dan peraturan-peraturan berkaitan;
- (ii) Menurut beliau, lesen bot pukat kenka dua bot mula diperkenalkan pada tahun 1986 setelah insiden pergaduhan antara nelayan yang melibatkan isu perkauman dan perebutan

kawasan di Tanjung Piandang Kuala Kurau di mana pengeluaran lesen dibuat dengan syarat dihadkan kawasan dan masa beroperasi selain daripada syarat-syarat berkaitan bot, pasangan dan urusan pindah milik yang dibenarkan;

- (iii) Menurut beliau lagi, dasar sedia JP Malaysia ialah “tiada pertambahan lesen dan pindah milik dibenarkan di kalangan ahli keluarga sahaja” di mana dasar ini adalah bertujuan untuk mengurangkan dan menghapuskan lesen kenka. Namun sehingga kini tiada pengurangan lesen berlaku;
- (iv) Beliau mengatakan bahawa masalah dalam pencegahan ada kaitan dengan isu tonto, di mana tonto dapat menghidu pergerakan bot JP dan bagi mengatasi masalah ini JP terpaksa menggunakan taktik keluar ke laut kemudian berpatah balik ke pengkalan dan keluar semula untuk mengelirukan tonto;
- (v) Menurut beliau, pencerobohan bot pukut kenka dua bot dapat diatasi jika penguatkuasaan dapat ditingkatkan dan pengawasan yang lebih rapi;
- (vi) Beliau juga menyatakan bahawa sebelum pengambilalihan penguatkuasaan oleh APMM, penguatkuasaan Akta Perikanan di laut dilakukan oleh JP dengan kerjasama rapat bersama Polis Marin;
- (vii) Mesyuarat berkala antara JP dan APMM dilakukan sebanyak sekali dalam tempoh 4 bulan bagi membincangkan berkenaan syarat dan peraturan namun isu kenka belum pernah dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut;
- (viii) Beliau tidak menolak kemungkinan APMM dan JP menjalankan operasi bersama tetapi ianya jarang dapat dilaksanakan memandangkan masing-masing mempunyai keutamaan tugas masing-masing;

- (ix) Pengeluaran lesen bot pukat kenka dua bot telah menyelesaikan masalah pergaduhan antara nelayan dan apa yang perlu dilakukan sekarang ialah pengawasan berterusan sehingga penangkapan ikan secara bot pukat kenka dua bot ini dengan sendirinya terkeluar daripada industri perikanan;
- (x) JP tidak berhasrat untuk memindahkan kawasan yang dibenarkan ke tempat lain dengan harapan lesen kenka dapat dihapuskan. Jika ia dipindahkan ke tempat lain, masalah yang sama juga akan timbul di tempat baru tersebut; dan
- (xi) Pemindahan pengkalan JP dan APMM dari lokasi pengkalan sedia ada di Kuala Kurau yang terletak jauh ke dalam dari kawasan muara pantai boleh dilakukan jika ada tempat lain yang lebih strategik dan kos pembinaannya diperuntukkan oleh kerajaan.

5.2.12. Siva Kumar a/l Vengadasalam (A12):

- (i) Beliau adalah merupakan Ketua Penguatkuasaan Pengkalan, APMM Kuala Kurau. Beliau bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang di laut termasuk Akta Perikanan 1985. Pengkalan APMM di Kuala Kurau dipertanggungjawabkan untuk membuat penguatkuasaan ke atas semua bot nelayan tempatan di laut seperti bot pukat kenka dua bot;
- (iv) Menurut beliau, aduan berkenaan bot pukat kenka dua bot disalurkan oleh nelayan tempatan atas kesalahan-kesalahan pencerobohan kawasan dan aktiviti menangkap ikan di luar waktu yang dibenarkan;
- (v) Menurut beliau lagi, pelayaran bot pemantauan APMM ke lokasi tempat kesalahan adalah mengikut jadual berkala. Pelayaran

dilakukan atas aduan, pelayaran atas maklumat perisikan anggota APMM sendiri atau operasi penguatkuasaan selama seminggu di lokasi yang kerap diadakan;

- (vi) Menurut beliau, dalam menjalankan operasi di atas, APMM ada membuat tangkapan ke atas bot dan anggota pengendali (tekong);
- (vii) Menurut beliau lagi, rampasan telah dibuat melibatkan hasil tangkapan dan pukut. Hasil tangkapan yang dirampas akan dilelong di mana hasil lelongan dikreditkan ke dalam hasil kerajaan. Manakala, pukut yang dirampas akan dilucuthak atau dibuang/dimusnahkan serta pemilik bot dikompaun sehingga kompaun maksimum RM1,800.00;
- (viii) Menurutny lagi, tindakan juga diambil mengikut aduan yang diterima daripada nelayan, JP dan PDRM (Cawangan Udara) yang dikendalikan oleh 4 orang anggota yang bertugas 24 jam di bilik gerakan.
- (ix) APMM juga menerima aduan melalui faks dan telefon dan sebagai Ketua Pengkalan APMM Kuala Kurau, beliau juga sering menerima aduan yang dibuat oleh pengadu melalui mesej pesanan ringkas (SMS);
- (x) Menurut beliau, apabila menerima aduan anggota bertugas akan mencatatkan maklumat pengadu dalam buku aduan dan selepas itu aduan tersebut dimaklumkan kepada Ketua Pengkalan yang akan mengarahkan bot keluar untuk membuat pemantauan;
- (xi) Tempoh tindakan selepas aduan diterima adalah secepat mungkin dan sekiranya terdapat bot di laut, arahan diberi kepada bot tersebut untuk ke lokasi aduan;

- (xii) Menurut beliau, dalam keadaan ini tangkapan dapat dibuat dan sekiranya tiada bot di laut, arahan akan diberi supaya bot bergerak dari pengkalan ke lokasi aduan yang pada kebiasaanya akan mengambil masa lebih kurang 20 minit;
- (xiii) Beliau mengakui bahawa dalam keadaan tersebut tangkapan tidak dapat dibuat disebabkan oleh kebocoran maklumat oleh tonto-tonto yang berada di tepi-tepi sungai yang melihat pergerakan bot dan anggota APMM;
- (xiv) Beliau juga tidak menafikan mengenai kemungkinan berlakunya kebocoran maklumat dari pejabat APMM sendiri, namun beliau tidak dapat mengenal pasti anggota yang terlibat;
- (xv) Menurut beliau lagi, di antara langkah-langkah yang dilakukan untuk mengelak kebocoran maklumat dari dalam dan luar ialah dengan mendapatkan bantuan dari APMM Pulau Pinang dan APMM Lumut, namun begitu kebocoran masih berlaku kerana operator bot kenka mempunyai ramai tonto yang dibayar secara bulanan dan dibekalkan dengan *walkie-talkie* dan mereka mempunyai rangkaian yang luas untuk memantau pergerakan bot-bot APMM walaupun bot APMM datang dari pengkalan lain;
- (xvi) Menurut beliau lagi, APMM telah mengambil tindakan terhadap semua aduan dan APMM juga pernah menyamar dengan menggunakan bot nelayan tempatan untuk membuat tangkapan terhadap bot-bot pukot kenka dua bot yang mencero boh; dan
- (xvii) Menurut beliau juga, aduan yang diberi ada kalanya benar dan ada kalanya kurang tepat dan adakalanya kesahihan maklumat boleh dipertikai;
- (xviii) Beliau juga memaklumkan bahawa hasil daripada maklumat yang diperolehi, mereka yang ditangkap melakukan kesalahan mencero boh oleh bot pukot kenka dua bot, pelaku kesalahan itu

sememangnya tahu bahawa apa yang mereka lakukan adalah suatu kesalahan, namun mereka terpaksa melakukannya kerana kawasan yang dibenarkan adalah kecil dan hasil laut berkurangan.

5.2.13. Dato' Ahmad Puzi bin Ab Kahar (A13):

- (i) Beliau adalah Timbalan Ketua Pengarah Operasi APMM dan bertanggungjawab dalam urusan operasi APMM (sekarang Ketua Pengarah APMM);
- (ii) Menurut beliau, APMM sedia maklum mengenai pencerobohan bot pukat kenka dua bot di kawasan nelayan pesisir pantai dan sejak tahun 2006 hingga 2015, tindakan telah diambil di mana sebanyak 158 bot pukat kenka dua bot telah ditahan, disiasat dan didakwa;
- (iii) Beliau mengatakan bahawa APMM memandang serius mengenai isu ini dan APMM sentiasa memberi tindak balas pantas terhadap aduan yang dikemukakan oleh orang awam;
- (iv) Menurut beliau lagi, APMM ada menerima surat dari pengadu meminta maklum balas terhadap isu ini terutama langkah-langkah penguatkuasaan berkesan supaya kepentingan nelayan pantai dilindungi dan pada 18 Julai 2007 APMM telah menulis surat kepada pengadu memaklumkan tindakan yang telah diambil oleh APMM;
- (v) Pergerakan bot APMM ke kawasan yang dikenal pasti sebagai '*hot spot*' aktiviti menangkap ikan secara haram adalah secara berterusan dan bot pemantau juga ditugaskan sebagai tindak balas ke atas aduan yang diterima dan maklumat perisikan oleh anggota risik APMM;

- (vi) Operasi penguatkuasaan secara berkala turut dilaksanakan dengan dibantu oleh aset operasi APMM dari Daerah Maritim 2 Pulau Pinang dan Daerah Maritim 3 Lumut;
- (vii) Beliau mengakui bahawa kemudahan dan aset APMM yang sedia ada memang tidak mencukupi dan kebanyakan aset diterima dari JP dan lain-lain jabatan telah berusia melebihi 30 tahun dan ini mengakibatkan kos membaik pulih sangat tinggi;
- (viii) APMM sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta bagi meningkatkan kerjasama berlandaskan *National Blue Ocean Strategy*, di mana sebanyak 8 Jawatankuasa ditubuhkan dengan kementerian dan jabatan termasuk JP yang mana sekurang-kurangnya dua mesyuarat di peringkat tertinggi telah diadakan setiap tahun semenjak tahun 2008;
- (ix) Beliau mengakui bahawa kekangan dari segi aset yang lama dan kekurangan kakitangan boleh diatasi dengan pembelian aset baru dan penambahan keanggotaan;
- (x) Menurut beliau juga, APMM sedang dalam perbincangan untuk memindahkan lokasi APMM ke satu kawasan yang lebih strategik dan berkesan kerana APMM sedia maklum bahawa kedudukan pengkalan APMM Kuala Kurau sekarang terletak jauh dari muara dan sememangnya tidak sesuai dan kurang berkesan kerana kedudukan APMM yang membolehkan tonto-tonto yang berada di laluan keluar mengetahui pergerakan APMM membuat pemantauan atau rondaan;
- (xi) Beliau juga memaklumkan bahawa APMM mempunyai unit aduan yang sentiasa memantau dan menghubungi pegawai-pegawai yang bertugas di setiap wilayah maritim jika perlu dan APMM kerap membuat penyamaran dan mengatur gerak aset dari Lumut dan Pulau Pinang di mana APMM akan memberi

respon kepada setiap aduan yang diterima di mana setiap aduan akan diambil tindakan seberapa cepat yang boleh;

- (xii) Menurutnya, masalah yang dihadapi ialah apabila bot pemantau tiba di lokasi, tiada sebarang aktiviti yang dikesan seperti yang dilaporkan;
- (xiii) Menurut beliau lagi, APMM dan JP ada menyertai Majlis Dialog Nelayan Pantai anjuran persatuan pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (JARING) dan Sahabat Alam Malaysia (SAM) diadakan pada September 2013 di mana Dialog ini juga dihadiri oleh Pengerusi JKKK Kpg Haji Taib yang mewakili Penghulu Mukim Kuala Kurau;
- (xiv) Pada 27 Januari 2015 pihak Pengurusan Tertinggi APMM dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) telah mengadakan pertemuan bagi membincangkan usul yang telah dibangkitkan oleh NEKMAT serta mengukuhkan kerjasama antara APMM dan NEKMAT;
- (xv) Dalam pertemuan tersebut APMM telah memberi penjelasan kepada semua isu yang dibangkitkan dan NEKMAT berpuas hati. NEKMAT memaklumkan bahawa majoriti nelayan berpuas hati terhadap penguatkuasaan APMM dan hanya segelintir sahaja nelayan menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap APMM kerana mungkin mereka mempunyai agenda tertentu;
- (xvi) Menurut beliau, APMM dan NEKMAT telah bersetuju untuk meningkatkan kerjasama melalui sesi dialog dan perjumpaan dengan nelayan serta sentiasa berhubung rapat dalam usaha membanteras pelanggaran Undang-Undang Perikanan dan meningkatkan kesedaran nelayan melalui program SAHABAT MARITIM kerana APMM tidak mempunyai masalah untuk bekerjasama dengan agensi lain seperti JP dan Polis Marin bagi menguatkuasakan Akta Perikanan;

- (xvii) Menurut beliau juga, sejumlah besar pelanggaran syarat-syarat lesen menangkap ikan dilakukan oleh pekerja asing yang digajikan. APMM berpandangan proses penggajian pekerja asing di bot-bot nelayan tempatan perlu dilaksanakan mengikut sistem yang ditetapkan seperti masalah pekerja asing di daratan dan amalan yang dilakukan sekarang tidak melalui proses tapisan keselamatan dan kesihatan adalah tidak sesuai kerana ia mengundang kepada ketidakpatuhan undang-undang; dan
- (xviii) APMM hanya menguatkuasakan undang-undang perikanan di laut dan tidak mempunyai kuasa membuat dasar dan polisi pelesenan mengenai penangkapan ikan kerana perkara-perkara ini adalah di dalam bidang kuasa JP.

5.2.14. **Syamsul Hazeman bin Md Salleh(A14):**

- (i) Beliau adalah merupakan Setiausaha Keselamatan Daerah di Majlis Keselamatan Negara Daerah Kerian, Perak pada tahun 2007;
- (ii) Pada Jun 2007, beliau telah diarahkan oleh Pegawai Daerah untuk mengadakan satu mesyuarat berkaitan isu pencerobohan bot dan penggunaan pukut kenka yang telah dibangkitkan oleh masyarakat setempat melalui Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan berkenaan. Beliau telah mengadakan mesyuarat tersebut pada 9 Julai 2007 dihadiri oleh ahli-ahli persatuan nelayan dan pegawai-pegawai agensi terlibat.

5.2.15. **Abdullah bin Yusof (A15):**

- (i) Beliau adalah merupakan Penghulu Mukim Kuala Kurau dan bertanggungjawab membantu Pegawai Daerah dalam hal-hal melibatkan segala hal berkaitan dengan masyarakat;

- (ii) Beliau juga menerima aduan orang ramai dan menyalurkan kepada pihak-pihak berkaitan;
- (iii) Beliau mengatakan mengetahui mengenai masalah pelanggaran syarat bot pukot kenka dua bot iaitu pencerobohan ke kawasan pesisir pantai kerana beliau adalah penduduk tempatan dan masalah ini telah lama berlaku namun tidak dapat diselesaikan kerana ia adalah masalah yang bermusim iaitu mereka akan menceroboh apabila ada peluang dan menghilangkan diri apabila penguat kuasa datang;
- (iv) Menurut beliau lagi, perkara pencerobohan tersebut pernah dibangkitkan dalam program bersama rakyat yang diadakan oleh Polis Marin Kuala Kurau pada September 2014 di mana pihak Polis Marin telah memberi respon bahawa mereka akan mengambil tindakan bagi membendung perkara ini namun pencerobohan masih berlaku akibat daripada berlakunya kebocoran maklumat melalui tonto-tonto yang terdapat di sana.

6. LAWATAN DAN PEMERIKSAAN DI TEMPAT KEJADIAN

- 6.1 Dalam mengumpul maklumat siasatan, Pasukan Penyiasat EAIC telah membuat lawatan sebanyak dua kali ke tempat kejadian.
- 6.2 Lawatan tempat kejadian yang dilakukan adalah:
 - (a) Lawatan secara pelayaran ke tengah laut sehingga ke kawasan 3.5 batu nautika dari pantai dengan menumpang bot nelayan pantai; dan
 - (b) Lawatan ke tengah laut sehingga sempadan laut Pulau Pinang/Perak dengan menumpang bot JP.

6.3 Hasil lawatan dan pemerhatian menzahirkan perkara-perkara seperti berikut:

(a) Lawatan pertama mendapati bahawa:

- (i) Bot pukat kenka dua bot yang menggunakan pukat kenka sedang beroperasi dalam lingkungan 3 batu nautika, tetapi nelayan pesisir pantai tidak membuat laporan kepada APMM kerana bagi mereka hanya bot pukat kenka dua bot yang menggunakan pukat apollo sahaja yang memberi masalah kepada mereka.
- (ii) Namun begitu, daripada aspek perlesenan, pemilik lesen bot pukat kenka dua bot ini tetap melakukan kesalahan kerana melanggar syarat lesen bot pukat kenka dua bot;
- (iii) Tangkapan hasil laut yang dibuat oleh bot-bot kenka adalah longgokan anak-anak ikan yang digunakan untuk membuat baja; dan
- (iv) Pada masa tinjauan tersebut pasukan penyiasat EAIC tidak menjumpai bot pukat kenka dua bot menggunakan pukat apollo kerana APMM sedang membuat operasi 24 jam mulai 10 Disember 2014 selepas bermulanya siasatan oleh Suruhanjaya ini dan siaran tentang siasatan EAIC oleh akhbar-akhbar tempatan.

(b) Lawatan kedua mendapati bahawa:

- (i) Terdapat bot pukat kenka dua bot yang menggunakan pukat kenka sedang beroperasi di dalam kawasan yang dibenarkan (di luar 5 nautika batu dari pantai) dan berdasarkan kepada pemeriksaan yang dibuat oleh JP, didapati tiada apa-apa kesalahan dilakukan;

- (ii) Perjalanan dari Jeti Jabatan Perikanan dengan menggunakan bot laju mengambil masa 30 minit ke lokasi yang biasanya diadakan sebagai tempat berlaku pencerobohan;
- (iii) Pencerobohan yang dilakukan pada waktu malam sukar dikesan kerana bot-bot kenka tidak memasang lampu. Juga amat sukar untuk Penguatkuasa Perikanan membuat rondaan mengejut tanpa terlepas dari dapat dihidu awal oleh bot pukot kenka dua bot yang menceroboh dengan keadaan laut yang gelap pada waktu malam;
- (iv) Penceroboh bot pukot kenka biasanya menjalankan operasi di kawasan sempadan 5 batu nautika supaya sempat memasuki semula kawasan yang dibenarkan apabila mendapat maklumat bot penguatkuasa keluar ke laut; dan
- (v) Penguatkuasaan di laut adalah lebih rumit berbanding penguatkuasaan di darat kerana keadaan laut adakalanya tidak tentu cuaca yang menyukarkan pergerakan.

7. PEMERIKSAAN DOKUMEN

Selaras dengan kuasa di bawah seksyen 32 Akta 700, Pasukan Penyiasat telah mengambil dan memeriksa sejumlah 42 dokumen berkaitan, antaranya seperti berikut:

- (a) Senarai aduan melalui SMS;
- (b) Senarai aduan 2012-2014;
- (c) 8 Minit Mesyuarat JKKK Parit Sungai Melan;
- (d) Minit Mesyuarat (Deraf) Majlis Keselamatan Negara;

- (e) Minit Majlis Dialog bertarikh 28/9/2013;
- (f) Dasar Jabatan Perikanan dan Maklumat-maklumat berkaitan bot pukat kenka dua bot;
- (g) Statistik-statistik berkaitan (bot berdaftar - Kerian, aduan/tangkapan JP Pulau Pinang);
- (h) Carta aliran tugas APMM;
- (i) Keratan-keratan akhbar;
- (j) Senarai bot pukat kenka dua bot;
- (k) Statistik tangkapan APMM, JP Daerah Kerian dan Polis Marin bagi tahun 2012-2015; dan
- (l) Senarai pindah milik lesen bot pukat kenka dua bot tahun 2013-2015.

8. ANALISA KETERANGAN (DARI KETERANGAN SAKSI DAN DOKUMENTAR)

- 8.1 Pemilik lesen bot-bot kenka majoritinya adalah berbangsa Cina. Bot-bot kenka milik mereka dikatakan menangkap ikan di kawasan pesisir pantai iaitu di luar kawasan yang dibenarkan dan beroperasi tidak mengikut masa yang ditetapkan.
- 8.2 Mengikut syarat lesen mereka hanya dibenarkan menjalankan operasi penangkapan ikan pada jarak 5 batu nautika di luar dari kawasan persisiran pantai dan dalam kawasan yang dikhususkan dan hanya dibenarkan beroperasi mulai jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang di kawasan yang dibenarkan. Hasil tangkapan dan pendapatan mereka jauh lebih tinggi dari pendapatan nelayan pesisir pantai.

- 8.3 Kawasan 5 batu nautika pesisir pantai adalah dikhususkan sebagai kawasan nelayan pesisir pantai beroperasi. Pencerobohan bot-bot kenka telah mengganggu operasi nelayan pantai dan menjejaskan pendapatan mereka.
- 8.4 Pukat kenka yang diubahsuai menjadi pukat apollo merosakkan dasar laut tempat pembiakan ikan kawasan berkenaan, mengaut benih-benih ikan serta anak undang dan mendatangkan kerosakan ke atas pukat-pukat nelayan pesisir pantai.
- 8.5 Aduan demi aduan dibuat oleh nelayan pesisir pantai melalui panggilan telefon dan SMS kepada APMM apabila mereka menemui pencerobohan berlaku di kawasan pesisir pantai dan beroperasi pada waktu yang tidak dibenarkan, namun mereka mendakwa bahawa APMM lambat keluar ke lokasi aduan menyebabkan apabila mereka tiba di lokasi, penceroboh telah meninggalkan lokasi tersebut. Rekod melihatkan terdapat 86 aduan dibuat oleh pengadu-pengadu kepada pihak APMM.
- 8.6 Keterangan saksi juga menunjukkan kadangkala APMM langsung tidak keluar ke lokasi aduan dan ini telah mengakibatkan pencerobohan berleluasa dan berlarutan oleh pengusaha bot pukat kenka dua bot mulai tahun 2007 sehingga sekarang;
- 8.7 Aktiviti pencerobohan ini didapati berlaku di Kuala Gula, Kuala Kurau, Tanjung Piandang sehingga perairan Pulau Pinang di Kuala Juru, Teluk Kumbar, Bukit Tambun dan Pulau Aman;
- 8.8 Susulan dari aduan-aduan yang telah dibuat beberapa tindakan telah diambil bagi menangani isu ini seperti berikut:

- (a) Program bersama rakyat yang diadakan oleh Polis Marin Kuala Kurau pada September 2014 yang membincangkan isu pencerobohan tersebut;
- (b) Satu mesyuarat telah diadakan yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Kerian pada 9 Julai 2007 khusus bagi membincangkan isu pencerobohan bot pukat kenka dua bot, tonto dan kebocoran maklumat;
- (c) Mesyuarat tersebut dihadiri oleh YB Dewan Undangan Negeri Kuala Kurau, Selinsing dan Alor Pongsu, Ketua Polis Daerah Polis, Pegawai Pemerintah Marin, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah), Ketua Perikanan Daerah Kerian, Maju Ikan, Penghulu Mukim Tanjung Piandang, Kuala Kurau, Bagan Tiang dan Selinsing;
- (d) Mesyuarat telah mengenalpasti beberapa masalah dan beberapa cadangan dibuat bagi menangani isu tersebut iaitu:
 - (i) Operasi/tindakan bersepadu akan diadakan antara agensi terlibat (JP, APMM dan Polis Marin) yang dijalankan secara sistematik dengan menerapkan konsep *Community Policing*;
 - (ii) JP mengaturkan mesyuarat untuk berbincang tentang operasi penguatkuasaan supaya tidak berlaku pertindihan dari sudut bidangkuasa, bidang tugas dan juga kawasan operasi; dan
 - (iii) Perjumpaan diadakan antara semua agensi penguatkuasaan dengan pemilik-pemilik bot dan nelayan-nelayan pantai bagi membincangkan dari hati ke hati bagi menyelesaikan isu ini.
- (e) Namun begitu, tiada tindakan susulan diambil oleh agensi-agensi berkaitan bagi menangani isu yang dibincangkan di perenggan (d)(i)-(iii) di atas.

- (f) Satu Majlis Dialog Nelayan Pantai Bersama APMM dan JP telah dianjurkan oleh Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (JARING) dan Sahabat Alam Malaysia pada 28 September 2013 bertempat di Kampung Raja Bashah, Kuala Kurau dan dihadiri oleh 83 orang wakil nelayan pantai dari Kampung Raja Bashah, Kampung Nelayan Kuala Gula, Selinsing, Parit 30 dan sekitarnya.
- (g) Dialog yang diadakan adalah berkaitan pencerobohan bot pukat kenka dua bot, kebocoran maklumat, kemampuan penguatkuasaan, amalan rasuah, pengeluaran lesen pukat kenka, pukat apollo dan kepupusan sumber laut, namun para nelayan tidak berpuashati dengan penjelasan yang diberikan oleh JP dan APMM berkaitan isu yang dibangkitkan.

8.9. Siasatan di Jabatan Perikanan (JP) mendapati perkara-perkara seperti berikut:

- (a) Latar belakang kewujudan bot pukat kenka dua bot -
 - (i) Lesen pukat kenka dua bot mula diperkenalkan pada tahun 1986 iaitu selepas satu insiden pergaduhan antara nelayan yang melibatkan isu perkauman dan perebutan kawasan di Tanjung Piandang, Kuala Kurau dan akhirnya selepas perbincangan dengan komuniti yang terlibat, JP bersetuju mengeluarkan lesen bot pukat kenka dua bot untuk komuniti terlibat tetapi dihadkan dari segi kawasan dan waktu operasi;
 - (ii) Lesen ini hanya dikeluarkan atau dilesenkan di Daerah Kerian, Kuala Kurau Perak sahaja yang meliputi dua pengkalan iaitu Pengkalan Kuala Kurau dan Pengkalan Tanjung Piandang;
 - (iii) Pada asalnya pemilik lesen menggunakan pukat kenka dan penangkapan ikan dibuat dengan cara melengkongkan pukat di

kawasan yang dibenarkan dan ikan-ikan yang dilengkongkan itu sahaja yang ditangkap;

(iv) Namun sekarang mereka menggunakan pukot yang diubahsuai yang disebut sebagai pukot apollo dan menjalankan penangkapan menggunakan dua bot yang berjalan selari di mana ianya akan mengaut segala hidupan laut ke dalam pukot dan ini termasuk sama semua benih-benih ikan serta menyebabkan persisiran pantai berlumpur dan merosakkan ekologi hidupan laut di sepanjang laluan mereka dan tindakan ini diulang dua tiga kali di laluan yang sama; dan

(v) Anak-anak ikan yang diperolehi akan dijual sebagai baja.

(b) Dasar Jabatan Perikanan (JP) Mengenai Pukat Kenka :

(i) Pemegang lesen kenka adalah tertakluk kepada Akta Perikanan 1985 iaitu mereka hanya dibenarkan membuat operasi menangkap ikan antara jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang.

(ii) Mereka hanya dibenarkan untuk menangkap ikan dikawasan yang dibenarkan sahaja iaitu dalam kawasan yang luasnya 5 batu nautika lebar dan 10 batu nautika panjang dan kawasan yang dibenarkan ialah di kedudukan 5 batu nautika selepas pesisir Pantai Tanjung Piandang hingga 5 batu nautika selepas itu dan 10 batu nautika memanjang.

(iii) Bot yang digunakan hendaklah menepati syarat yang dibenarkan dan beroperasi dengan pasangan yang telah didaftarkan.

(iv) Pemegang lesen bot pukot kenka dua bot dikehendaki untuk mengusahakan sendiri operasi tangkapan ikan dan lesen tidak

boleh dipindahmilikan kepada orang lain kecuali antara ahli keluarga pemegang lesen itu sendiri;

- (v) Tiada lesen baru dikeluarkan tetapi lesen yang ada boleh diperbaharui pada setiap tahun;
- (vi) Jumlah pemilikan lesen pukat kenka dua bot sehingga 2014 adalah sebanyak 182 (berpengkalan di Tanjung Piandang) dan 352 (berpengkalan di Kuala Kurau) dan keseluruhan jumlah lesen yang masih aktif adalah sebanyak 534 lesen.
- (vii) Walaubagaimanapun senarai pemilik pada tahun 2015 menunjukkan terdapat seramai 529 pemilik bot pukat kenka dua bot Daerah Kerian. Daripada jumlah tersebut pemilik **lesen** yang berbangsa Melayu adalah seramai 13 orang, manakala selebihnya adalah pemilik **lesen** berbangsa Cina.
- (viii) Pelanggaran syarat lesen kenka boleh dikenakan denda sehingga maksimum RM20,000.00 dan tangkapan dirampas.
- (ix) Bot boleh dirampas dan dilucuthak serta lesen dibatalkan apabila melakukan kesalahan kali keempat.
- (x) Berdasarkan kepada Rekod Pindahmilik Pukat Kenka 2 Bot bagi tahun 2013 didapati 15 bot telah dipindahmilik dari pemilik asal kepada pemilik kedua. 7 bot dipindahmilik tanpa melakukan kesalahan, 3 bot dipindahmilik selepas melakukan kesalahan pertama, 4 bot dipindahmilik selepas melakukan kesalahan kedua dan 1 bot dipindahmilik selepas melakukan kesalahan ketiga. Terdapat 7 bot dipindahmilik kepada pemilik kedua. 4 bot dipindahmilik tanpa melakukan kesalahan, 1 bot dipindahmilik selepas melakukan kesalahan pertama, 1 bot dipindahmilik

selepas melakukan kesalahan kedua dan 1 bot dipindahmilik selepas melakukan kesalahan keempat.

(xi) Berdasarkan kepada Rekod Pindahmilik Pukat Kenka Dua Bot bagi tahun 2014 didapati 12 bot telah dipindahmilik dari pemilik asal kepada pemilik kedua. 1 bot dipindahmilik tanpa melakukan kesalahan, 4 bot dipindahmilik selepas melakukan kesalahan pertama, 5 bot dipindahmilik selepas melakukan kesalahan kedua, 1 bot dipindahmilik selepas melakukan kesalahan ketiga dan 1 bot dipindahmilik selepas melakukan kesalahan keempat. Terdapat 3 bot dipindahmilik kepada pemilik kedua. 1 bot dipindahmilik tanpa melakukan kesalahan, 1 bot dipindahmilik selepas melakukan kesalahan pertama dan 1 bot dipindahmilik selepas melakukan kesalahan kedua.

(c) Penguatkuasaan dan Pencegahan oleh Jabatan Perikanan (JP):

- (i) Sebelum tahun 2007/2008 penguatkuasaan terhadap pencerobohan bot pukat kenka dua bot dilakukan oleh JP Daerah Kerian dan mendapat kerjasama yang baik dari Polis Marin;
- (ii) JP mempunyai Pusat Pemantauan di Sungai Burung yang beroperasi 24 jam dan selalu membuat rondaan di laut. Sejak penyerahan kepada APMM Pusat Pemantauan tersebut tidak lagi beroperasi. Jabatan Perikanan sedang dalam proses untuk membuka semula pusat pemantauan di Sungai Burung;
- (iii) Sejak APMM mengambilalih keseluruhan bidang kuasa penguatkuasaan Akta Perikanan 1985, JP telah menyerahkan aset seperti bot rondaan dan pegawai/anggota kepada APMM. Peruntukan juga telah dikurangkan dan kekurangan pegawai tidak diganti;

- (iv) Bagaimanapun JP masih lagi mempunyai kuasa penguatkuasaan seperti membuat tangkapan dan mendakwa kesalahan. JP masih menjalankan penguatkuasaan mengikut kemudahan, aset dan anggota yang sedia ada;
- (v) Pejabat Perikanan Daerah Kerian masih menjalankan rondaan/pemantauan mengikut KPI sebanyak 4 kali sebulan bagi sebuah bot di perairan perikanan Daerah Kerian/Kuala Kurau, Perak. Dalam rondaan tersebut tangkapan/tahanan akan dibuat sekiranya menemui apa-apa aktiviti yang melanggar Akta Perikanan 1985. Melalui semakan dalam buku log Pejabat Perikanan Daerah Kerian didapati bahawa rondaan yang dibuat lebih dari 4 kali sebulan bagi sebuah bot;
- (vi) Aduan-aduan yang diterima disalurkan kepada APMM. Walau bagaimanapun, jika anggota dan aset mencukupi, Jabatan Perikanan boleh terus mengambil tindakan terhadap aduan tersebut tanpa perlu merujuk kepada APMM;
- (vii) Bidang tugas seliaan Bahagian Perlindungan Sumber Pejabat Perikanan Daerah Kerian, Kuala Kurau, Perak kini lebih tertumpu kepada penguatkuasaan aktiviti perikanan darat (Perikanan Sungai, Tasik Merah, Tasik Banding dan Tasik Kedering). JP sedang dalam proses memohon untuk membuat penguatkuasaan dalam 8 batu nautika dan untuk itu memerlukan lebih anggota dan aset serta peruntukan kewangan.
- (viii) Bahagian Perlindungan Sumber Pejabat Perikanan Pulau Pinang juga ada mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang diterima dan mengadakan penguatkuasaan serta rondaan sepertimana ditetapkan dalam KPI JP.

- (ix) Kebiasaannya pemilik lesen yang ditangkap dikenakan kompaun kesalahan antara RM800.00 hingga RM3,000.00 dan tangkapan mereka akan dirampas seterusnya dilelong. Hasil lelongan tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun kerajaan.
- (x) Pukat kenka yang ditinggalkan oleh penceroboh semasa rondaan/pemantauan bot penguatkuasa disita tetapi memandangkan pukat tersebut berat dan bot JP tidak mempunyai peralatan untuk menarik pukat tersebut, JP hanya akan merosakkan pukat-pukat tersebut supaya tidak boleh digunakan dan ditinggalkan tenggelam di lokasi.
- (xi) Mengikut statistik tangkapan JP Daerah Kerian pada tahun 2011-2014 terdapat 1 tangkapan oleh PDRM. Terdapat 16 tangkapan oleh Jabatan Perikanan yang melibatkan pembayaran kompaun. Jumlah kompaun yang dikenakan adalah dari RM800.00 hingga RM4,000.00. Jumlah kompaun yang tertinggi secara keseluruhan adalah sebanyak RM16,400.00 iaitu kesalahan di bawah seksyen 8(b), seksyen 14 (4) (b) dan seksyen 49 Akta Perikanan 1985 semasa Operasi Periksa dan Rondaan Biasa yang dijalankan oleh JP.

(d) Keanggotaan dan Logistik

Pejabat Perikanan Daerah Kerian mempunyai 19 orang anggota dan 2 buah bot rondaan yang mana satu daripada bot tersebut telah rosak dan tidak dapat digunakan.

(e) Statistik JP Pulau Pinang

- (i) Statistik tangkapan dan tindakan undang-undang yang dikendalikan oleh Bahagian Perlindungan Sumber Pejabat Perikanan, Pulau Pinang adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH TANGKAPAN	TINDAKAN UNDANG-UNDANG
2005	28	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun RM41,200.00
2006	15	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun RM38,500.00
2007	3	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun RM2,500.00
2008	8	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun RM19,600.00
2009	3	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun RM10,900.00
2010	3	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun RM21,000.00
2011	0	-
2012	0	-
2013	3	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun RM2,200.00
2014	3	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun RM11,200.00

- (ii) Statistik tangkapan dan tindakan undang-undang bagi tahun 2007 hingga 2014 terhadap pukot kenka dua bot yang dikendalikan oleh Bahagian Perlindungan Sumber, Pejabat Perikanan, Daerah Kerian, Kuala Kurau atas inisiatif sendiri adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH TANGKAPAN	TINDAKAN UNDANG-UNDANG
2007	4	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun
2008	11	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun
2009	5	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun
2010	11	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun
2011	11	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun
2012	-	-
2013	2	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun
2014	1	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun

(iii) Sehingga 2014 sebanyak 4 kes telah dirujuk kepada mahkamah:

TAHUN	NO BOT PUKAT KENKA	TINDAKAN UNDANG-UNDANG
2001	PKFA 8281	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun
2001	PKFA 9480	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun
2002	PKFA 8810	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun
2002	PKFA 9827	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun

- (iv) Statistik aduan yang diterima dan disalurkan kepada APMM Kuala Kurau oleh Bahagian Perlindungan Sumber JP Kuala Kurau (tidak termasuk aduan oleh pengadu sendiri kepada APMM) adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH ADUAN	TINDAKAN
2012	10	Disalurkan Kepada APMM, Kuala Kurau
2013	20	Disalurkan Kepada APMM, Kuala Kurau
2014	13	Disalurkan Kepada APMM, Kuala Kurau

- (v) Statistik tangkapan dan tindakan undang-undang yang diambil oleh Bahagian Perlindungan Sumber Pejabat Perikanan Pulau Pinang adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH TANGKAPAN	TINDAKAN UNDANG-UNDANG
2005	28	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun
2006	15	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun
2007	3	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 – Melibatkan Kompoun
2008	8	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 –Melibatkan Kompoun
2009	3	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 –Melibatkan Kompoun

2010	3	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 –Melibatkan Kompoun
2011	0	-
2012	0	-
2013	3	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 –Melibatkan Kompoun
2014	3	Kesalahan Dibawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 –Melibatkan Kompoun

8.8 Siasatan ke atas APMM mendapati perkara-perkara seperti berikut:

(a) Penubuhan APMM

APMM ditubuhkan dan mula beroperasi pada 30 November 2005 di mana APMM diputuskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri untuk menjadi agensi tunggal yang membuat penguatkuasaan di laut Malaysia dan Akta Perikanan 1985. Selain menguatkuasakan Akta Perikanan, APMM juga menguatkuasakan undang-undang lain seperti Akta Kastam dan Akta Imigresen disamping undang-undang yang disebutkan dalam Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim 2002.

(b) Keanggotaan dan Logistik

Pengkalan APMM negeri Perak terletak di Pengkalan Maritim Kuala Kurau dengan keanggotaan seramai 48 anggota bagi menjalankan tugas-tugas di Unit Operasi, Unit Pentadbiran, Unit Penguatkuasaan, Unit Siasatan, Unit Kewangan dan Unit keselamatan. Logistik yang terdapat ialah 3 buah bot rondaan, iaitu KILAT 9, KILAT 30 dan PENGGALANG 40.

(c) Penguatkuasaan/Pencegahan/Pemantauan

- (i) Bagi menguatkuasakan Akta Perikanan, APMM Kuala Kurau dipertanggungjawabkan untuk membuat penguatkuasaan ke atas semua bot nelayan tempatan di laut termasuk bot pukat kenka dua bot di perairan Kuala Kurau dan Tanjung Piandang.
- (ii) Sejak memulakan penguatkuasaan, APMM Pengkalan Maritim Kuala Kurau telah menerima aduan-aduan dari orang awam, Jabatan Perikanan dan juga Polis Cawangan Udara berkenaan pencerobohan bot pukat kenka dua bot. Aduan yang di terima pada tahun 2012, 2013 dan 2014 adalah sebanyak 118 aduan dalam pecahan seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH ADUAN	TANGKAPAN	TIADA TANGKAPAN
2012	24	-	24
2013	46	-	46
2014	48	2	46

- (iii) Tindakan penguatkuasaan dan pencegahan, dan pemantauan yang dilakukan oleh APMM adalah seperti berikut:
- Rondaan bot APMM ke kawasan operasi menangkap ikan mengikut jadual berkala;
 - Pergerakan bot APMM ke lokasi aduan mengikut aduan yang diterima;
 - Pergerakan bot APMM ke lokasi mengikut maklumat risikan oleh anggota APMM; dan

- Operasi penguatkuasaan selama seminggu di tempat yang kerap menerima aduan.

(d) Sistem Saluran Aduan APMM Kuala Kurau:

- (i) APMM Kuala Kurau mempunyai sistem saluran aduan yang berpusat di bilik gerakan. Bilik aduan beroperasi 24 jam dengan empat orang anggota bertugas pada setiap masa. Aduan diterima melalui faks dan telefon dari orang awam, Jabatan Perikanan dan Polis Cawangan Udara. Ketua Pengkalan APMM Kuala Kurau juga menerima aduan dari pengadu melalui SMS.
- (ii) Anggota yang menerima aduan mencatatkan maklumat ke dalam buku aduan dan selepas itu aduan dimaklumkan kepada Ketua Pengkalan yang seterusnya mengarahkan anggota ke tempat kejadian membuat pemantauan.

(e) Tindakan Terhadap Aduan:

- (i) Sekiranya semasa aduan diterima, bot APMM berada di laut arahan diberi untuk anggota yang berada di laut terus ke tempat kejadian. Dalam keadaan ini tangkapan biasanya dapat dibuat kerana bot tidak mengambil masa lama untuk ke tempat kejadian.
- (ii) Namun, dalam keadaan bilamana bot APMM berada di pengkalan APMM Kuala Kurau, masa yang diambil dari Pengkalan APMM Kuala Kurau tersebut untuk sampai ke sesuatu tempat kejadian adalah lebih kurang 20 minit.
- (xix) Pada kebiasaannya, pergerakan bot APMM ke lokasi akan diketahui oleh penceroboh melalui tonto-tonto yang berada di tepi sungai mengakibatkan pencerobohan sukar atau tidak dapat

dikesan kerana bot-bot kenka terlibat telah melarikan diri atau bergerak ke tempat lain.

(xx) Bagi mengatasi masalah ini, APMM Kuala Kurau telah mendapatkan bantuan daripada bot rondaan yang bergerak ke kawasan aduan daripada cawangan APMM yang lain, iaitu daripada APMM Daerah Maritim 3 Lumut dan APMM Daerah Maritim 2 Pulau Pinang.

(xxi) Selain itu, APMM juga adakalanya akan keluar membuat rondaan/pemantauan dengan menggunakan bot nelayan tempatan supaya pergerakan APMM tidak dapat dihidu oleh tonto-tonto. Bagaimanapun, tiada rekod diperolehi tentang tempoh masa yang diambil bagi bot APMM yang datang dari APMM Lumut dan APMM Pulau Pinang.

(xxii) Siasatan mendapati bahawa orang ramai yang membuat aduan tidak memberikan nombor bot-bot kenka terlibat. Pengadu juga mengatakan bahawa beliau tidak memberi nombor bot setiap kali membuat aduan.

(f) Tangkapan oleh APMM Kuala Kurau:

Berdasarkan kepada statistik APMM untuk tahun-tahun 2012, 2013 dan 2014 menunjukkan bahawa tangkapan yang dibuat pada tahun 2012 – 2014 oleh APMM ialah sebanyak 32 tangkapan. Jumlah kompaun yang dikenakan adalah dari RM600.00 hingga RM1,400.00. Jumlah kompaun yang dikenakan secara keseluruhan adalah sebanyak RM23,600.00. Hasil tangkapan yang disita telah dilelong dan jumlah lelongan bagi 3 tahun adalah sebanyak RM705.00 yang telah dikreditkan ke dalam hasil kerajaan. Kesalahan yang dilakukan ialah di bawah seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 iaitu beroperasi di luar waktu yang ditetapkan. Bot yang didapati melakukan kesalahan berulang

ialah sebanyak 3 bot. Kebanyakan tangkapan adalah hasil dari Operasi Satria Utara dan 4 tangkapan daripada aduan orang ramai.

(g) Kuasa Menentukan Kompaun dan Menyita Bot:

APMM tidak mempunyai kuasa untuk menyita mana-mana bot pukat kenka dua bot yang melakukan kesalahan atau menentukan jumlah kompaun. Selepas penangkapan, kertas siasatan yang dibuka dan disiasat oleh APMM akan dirujuk kepada Jabatan Perikanan untuk keputusan dalam menentukan jumlah kompaun atau pendakwaan dan proses sitaan.

8.9 Mesyuarat antara JP dan APMM

- (a) Dalam menjalankan penguatkuasaan Akta Perikanan 1985, mesyuarat berkala antara APMM dan JP diadakan sekurang-kurangnya 4 bulan sekali di peringkat tertinggi bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan Akta Perikanan 1985 dari segi syarat dan peraturan.
- (b) Mesyuarat di peringkat negeri atau daerah pula diadakan dari semasa ke semasa bagi membincangkan isu semasa mengikut keperluan.
- (c) Setakat ini belum ada perbincangan berkenaan masalah pencerobohan bot pukat kenka dua bot di dalam mesyuarat-mesyuarat di atas.

9. PEMETAAN PERJALANAN

Satu pemetaan perjalanan telah dilakukan oleh pasukan penyiasat EAIC yang membuat lawatan ke laut persisir pantai Kuala Kurau. Didapati bahawa masa yang diambil dari Pengkalan JP dan Pengkalan APMM Kuala Kurau adalah lebih dari 30 minit untuk sampai ke lokasi yang diadakan. Sepanjang laluan ke lokasi terdapat halangan-halangan seperti sangkar-sangkar ikan dan bot-bot nelayan yang sedang beroperasi. Penceroboh-penceroboh pukat kenka pula

berada di kawasan sempadan kawasan lima batu nautika di mana mereka dengan senang masuk semula ke kawasan yang dibenarkan iaitu di luar daripada kawasan lima nautika apabila ternampak bot agensi penguatkuasaan keluar ke arah laut.

10. DAPATAN DARIPADA PEMERHATIAN SIASATAN

10.1 Siasatan mendapati JP dan APMM ada menjalankan penguatkuasaan tetapi menghadapi beberapa masalah seperti berikut:

(a) Kebocoran Maklumat Operasi

(i) Terdapat kebocoran maklumat pergerakan bot APMM dan JP melalui aktiviti oleh tonto-tonto yang berada di tepi sungai kepada bot-bot kenka yang sedang melakukan operasi menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan.

(ii) Pihak APMM ada mengambil langkah pencegahan kebocoran maklumat dengan cara penyamaran, iaitu dengan menaiki bot nelayan dan juga memohon bantuan dari Pengkalan Lumut dan Pulau Pinang yang datang ke lokasi aduan tidak dari Pengkalan Kuala Kurau, tetapi tonto-tonto masih dapat mengetahui pergerakan mereka kerana tonto-tonto tersebut mempunyai rangkaian yang luas di sepanjang Selat Melaka.

(b) Lokasi Pengkalan JP dan APMM di Kuala Kurau Yang Tidak Sesuai

(i) Kedudukan Pengkalan APMM Kuala Kurau dan Pengkalan Jabatan Perikanan yang tidak sesuai yang terletak ke dalam dari muara laut telah menyebabkan pergerakan bot pemantau dapat dilihat dan diawasi oleh tonto-tonto.

(ii) APMM sedang dalam perbincangan untuk memindahkan lokasi Pengkalan APMM Kuala Kurau ke satu kawasan yang lebih strategik dan berkesan.

(c) Peruntukan dan Logistik

Pemberian peruntukan kewangan dan kemudahan logistik dan aset didapati tidak mencukupi kepada JP dan APMM. Kebanyakan aset yang ada adalah bot yang berusia 30 tahun yang memerlukan kos membaik pulih yang tinggi dan tidak boleh beroperasi dengan baik.

(d) Kekurangan Hasil Laut di Kawasan Yang di benarkan

Kawasan yang dibenarkan bagi pemilik lesen kenka beroperasi telah kekurangan hasil laut menyebabkan pemilik lesen bot pukut kenka dua bot terpaksa keluar dari kawasan yang dibenarkan yang lebih kaya dengan hasil laut. Tiada peluasan kawasan atau kawasan baru bagi bot-bot kenka yang menyebabkan pencerobohan ke kawasan persisir pantai dilakukan.

(e) Faktor Penyumbang

Faktor penyumbang juga berlaku dengan pertambahan lesen sampan/penangkapan ikan di persisiran pantai dikeluarkan melalui kelulusan khas menjelang pilihan raya yang mana persaingan dari segi kawasan tangkapan ikan berlaku seterusnya menimbulkan perasaan ketidakpuasan hati di kalangan nelayan dan pemilik lesen dan ini telah meningkatkan jumlah aduan.

(f) Aduan Yang Kurang Tepat

JP dan APMM mendakwa bahawa kebanyakan aduan yang dibuat oleh pengadu adalah tidak berdasarkan kepada kejadian sebenar sebaliknya berdasarkan kepada dengar cakap kawan, suka-suka dan

berdasarkan dengar bunyi. Terdapat juga kes yang mana pemilik bot pukut kenka sendiri yang membuat aduan bagi tujuan mengelirukan penguatkuasa. Aduan yang dibuat juga tidak memberikan nombor bot-bot kenka terlibat.

10.2 Berdasarkan hasil siasatan beberapa kelemahan telah dikenalpasti dalam menjalankan penguatkuasaan terhadap pencerobohan pemilik lesen kenka seperti berikut:

- (a) Lokasi Pengkalan APMM tidak sesuai menyebabkan pergerakan mereka diketahui oleh tonto-tonto yang berada di tepi sungai.
- (b) Anggota APMM dan JP tidak dapat keluar ke lokasi dengan segera kerana halangan-halangan dari segi keadaan laut yang menyukarkan pergerakan, kedudukan yang jauh ke dalam dan keadaan di muara sungai yang mempunyai banyak sangkar ikan.
- (c) Kebocoran maklumat melalui tonto-tonto yang berada di jeti dan tepi-tepi sungai yang memberi maklumat pergerakan APMM kepada penceroboh-penceroboh melalui *walkie talkie*. Kesannya ialah mereka melarikan diri sebelum bot APMM tiba di lokasi. Kehadiran tonto di jeti dan di tepi-tepi sungai hingga ke Perairan Selat Melaka menyukarkan pergerakan bot APMM tanpa dikesan.
- (d) Anggota APMM telah lama bertugas di Pengkalan Kuala Kurau menyebabkan tiada penambahbaikan terhadap aktiviti dan minat dalam penguatkuasaan. Terdapat juga anggota APMM yang telah menjadi "*familiar*" dengan pemilik-pemilik lesen kenka.
- (e) Penguatkuasaan yang dibuat tidak berterusan. Selepas dialog diadakan dengan nelayan-nelayan, operasi penguatkuasaan ditingkatkan tetapi tidak berkesan kerana hanya dijalankan dalam jangka waktu tertentu sahaja. Juga terdapat faktor pemberian peruntukan bajet, logistik dan masalah anggota yang tidak mencukupi.

10.3 Keadaan terkini dari segi penguatkuasaan semasa dan selepas siasatan oleh Suruhanjaya adalah seperti berikut:

- (a) Pencerobohan bot-bot kenka masih berterusan berlaku. Aduan demi aduan dibuat tetapi cara tindakan masih sama seperti dahulu.
- (b) Operasi khas yang dibuat selepas siasatan Suruhanjaya hanya bersifat sementara dan tidak berterusan. Agensi penguatkuasa masih tidak mengambil tindakan terhadap bot pukat kenka dua bot yang melakukan kesalahan.
- (d) Terdapat agensi penguatkuasa (yang bukan APMM atau JP) yang dikatakan menerima rasuah. Perkara ini disaksikan oleh seorang awak-awak dalam bot terlibat tetapi enggan melaporkan kerana takut hilang punca pendapatan. Kejadian berlaku pada 13 Januari 2015 jam 7.30 pagi di mana sebuah bot agensi penguat kuasa bersama 4 orang anggota yang telah menahan 4 bot pukat kenka dua bot sedang beroperasi kerana menceroboh kawasan zon persisiran pantai. Anggota penguatkuasa tersebut (agensi terlibat ada disebutkan) dikatakan telah meminta suapan sebanyak RM4,000.00.
- (e) Selepas perbincangan, mereka bersetuju menerima RM2,000.00 dan setelah menerima jumlah tersebut, mereka terus beredar dari tempat kejadian. Menurut saksi perkara begini adalah perkara biasa dan tekong bot pukat kenka dua bot kebiasaannya akan membawa wang apabila ke laut bagi memudahkan mereka memberi rasuah kepada anggota agensi penguatkuasa jika berlaku kesalahan.

11. DAPATAN DAN SYOR PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan kepada siasatan yang dijalankan, beberapa cadangan penambahbaikan telah dikenalpasti bagi

mengurangkan atau membendung masalah pencerobohan bot pukot kenka daripada terus berlaku. Suruhanjaya mengesyor dan memperakukan supaya langkah-langkah dan tindakan berikut diambil atau dilaksanakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan terlibat:

11.1 Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)

- (a) APMM perlu mewujudkan pusat pemantauan di kawasan Kuala Sungai Burung iaitu kawasan yang lebih sesuai untuk membuat pemantauan yang meliputi 5 batu nautika ke kanan, ke kiri dan ke hadapan supaya penguatkuasaan dan pencegahan pencerobohan bot-bot kenka dapat dibuat dengan lebih berkesan.**
- (b) Penambahan anggota penguatkuasa serta pos kawalan, termasuk penambahan peruntukan dan aset serta peralatan yang mencukupi bagi membuat rondaan dengan lebih kerap;**
- (c) APMM perlu melakukan pemantauan secara mengejut selain dari pemantauan berjadual bagi mengelak pergerakan disedari atau dihidu oleh tonto.**
- (d) Mesyuarat APMM dan Jabatan Perikanan yang dihadiri oleh Polis Marin di peringkat tertinggi dan peringkat negeri/daerah perlu membincangkan isu masyarakat nelayan seperti pencerobohan pukot kenka yang dibawa**

oleh Penghulu atau JKKK atau aduan oleh para nelayan pantai. Mesyuarat dicadangkan agar diketuai oleh Jabatan Perikanan sebagai agensi pengeluar lesen bot-bot kenka;

- (f) Mengkaji semula kesesuaian lokasi Pengkalan APMM Kuala Kurau di bagi tempatkan di kawasan yang lebih sesuai iaitu di kawasan tepi pantai atau Muara Sungai Kurau atau Sungai Burung kerana lokasi tersebut lebih strategik iaitu kedudukan di tengah-tengah antara Kuala Kurau dan Tanjung Piandang berbanding dengan lokasi sedia ada;
- (g) JP dijadikan sebagai agensi peneraju dan dibantu oleh APMM dan Polis Marin serta wakil nelayan pantai untuk memantau aktiviti penguatkuasaan Akta Perikanan 1985; dan
- (h) Mengemaskini semula SOP Operasi dan tatacara terlibat dalam pengendalian aduan supaya maklumat atau identiti pemberi maklumat tidak dibocorkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang berniat membantu secara salah aktiviti bot-bot kenka daripada menghadapi tindakan penguatkuasaan.

11.2. Jabatan Perikanan Malaysia (JP)

- (a) JP menghapuskan lesen pukot kenka dan lesen yang ada sekarang tidak disambung apabila tamat tempoh. Di

dalam perkara ini cadangan JP untuk mula memberhentikan proses membaharui lesen-lesen bot kenka mulai tahun 2017 dan seterusnya menamatkan operasi bot-bot kenka mulai tahun 2020 adalah satu langkah yang baik yang wajar diteruskan;

- (b) Meminda peruntukan di bawah Akta Perikanan untuk mengenakan hukuman, kompaun atau denda yang lebih berat ke atas pelanggaran syarat lesen bot penangkapan atau peralatan penangkapan ikan;
- (c) Tindakan tegas diambil seperti penggantungan atau pembatalan lesen bagi kesalahan ketiga yang dilakukan oleh pemegang lesen bot kenka yang melakukan kesalahan yang berulang;
- (d) Mengkaji semula polisi yang membenarkan pemindahan lesen bot-bot kenka kepada ahli keluarga dan lesen tidak lagi diperbaharui atau diberi pindah milik sebaik pemegang lesen meninggal dunia;
- (e) Lesen bot-bot kenka ditamatkan sekiranya pemilik tidak lagi aktif dalam aktiviti penangkapan ikan menggunakan bot pukot kenka dua bot;
- (f) Menubuhkan pasukan bersepadu yang diketuai oleh JP dan dibantu oleh APMM, Polis Marin dan wakil nelayan

pantai untuk menjalankan aktiviti penguatkuasaan dengan lebih berkesan dan menyeluruh;

- (g) Menjalankan penguatkuasaan dengan lebih rapi/ketat serta tegas melalui rondaan pemantauan berkala yang lebih kerap khususnya melalui kerjasama oleh 3 agensi secara bersama iaitu Polis Marin, APMM dan Jabatan Perikanan dan Jabatan Perikanan menjadi “*lead agency*”;**
- (h) Penambahbaikan infrastruktur di mana Pengkalan/Pejabat Perikanan Daerah Kerian di tempatkan di kawasan yang lebih sesuai iaitu di kawasan tepi pantai atau Muara Sungai Kurau atau Sungai Burung kerana lokasi yang lebih strategik iaitu kedudukan di tengah-tengah antara Kuala Kurau dan Tanjung Piandang;**
- (i) Memperkasakan kuasa dan keupayaan dari segi logistik dan keanggotaan kepada Jabatan Perikanan untuk menguatkuasakan Akta Perikanan khususnya di bawah kawasan kurang daripada 8 batu nautika bagi pantai sebelah barat Semenanjung dan 12 batu nautika diukur dari pantai bagi kawasan sebelah pantai timur Semenanjung;**

- (j) Jabatan Perikanan melakukan operasi mengejut selain dari rondaan berjadual bagi mengelak pergerakan disedari atau dihidu oleh tonto; dan**

- (k) Mesyuarat APMM dan Jabatan Perikanan yang dihadiri oleh Polis Marin di peringkat tertinggi dan peringkat negeri/daerah perlu membincangkan isu masyarakat nelayan seperti pencerobohan pukut kenka yang dibawa oleh Penghulu atau JKKK atau aduan oleh para nelayan pantai. Adalah dicadangkan supaya mesyuarat sedemikian diterajui oleh Jabatan Perikanan sebagai agensi yang melesenkan bot-bot kenka.**

11.3. Polis Marin

- (a) Menganggotai Pasukan Bersepadu yang diketuai oleh JP dan dibantu oleh APMM, Polis Marin dan wakil nelayan pantai untuk memantau aktiviti penguatkuasaan;**

- (b) Menghadiri mesyuarat bersama APMM dan Jabatan Perikanan di peringkat tertinggi dan peringkat negeri/daerah yang membincangkan isu masyarakat nelayan seperti pencerobohan bot-bot kenka; dan**

- (c) Menjalankan penguatkuasaan dengan lebih rapi/ketat dan tegas dengan mengadakan rondaan pemantauan**

berkala yang lebih kerap khususnya kerjasama oleh 3 agensi secara bersama atau bersepadu iaitu Polis Marin, APMM dan Jabatan Perikanan.

12. KESIMPULAN

Masalah dan isu pencerobohan bot-bot kenka dua bot di kawasan perairan pantai Tanjung Piandang, Kuala Kurau, Perak telah berlaku sejak tahun 2007 dan berterusan sehingga kini. Ketiadaan tindakan yang pro-aktif dan berkesan oleh agensi penguatkuasaan, terutamanya pihak APMM sebagai agensi peneraju telah diambil kesempatan oleh pengusaha bot-bot kenka bagi mencerobohi kawasan tangkapan yang mereka tidak dibenarkan beroperasi. Adalah diharapkan dengan usaha-usaha penambahbaikan yang disyor dan diperakukan oleh EAIC seperti yang dibutirkan di atas, permasalahan dan kesulitan yang terdapat di kawasan persisiran pantai Kuala Kurau, Perak tersebut akan dapat diatasi dengan usaha-usaha yang penuh berintegriti oleh semua pihak terlibat. Matlamat akhir adalah supaya lesen bot-bot kenka tidak lagi wujud atau dihapuskan sama sekali menjelang tahun 2020 nanti.

SENARAI LAMPIRAN-LAMPIRAN

BIL	SENARAI DOKUMEN	PENANDAAN
1	Senarai aduan melalui SMS	(D1)
2	Senarai aduan 2012	(D2)
3	Senarai aduan 2013	(D3)
4	Senarai aduan 2014	(D4)
5	Minit Mesyuarat JKKK 25/7/08	(D5)
6	Minit Mesyuarat JKKK 13/5/09	(D6)
7	Minit Mesyuarat JKKK 28/4/10	(D7)
8	Minit Mesyuarat JKKK 12/12/11	(D8)
9	Minit Mesyuarat JKKK 26/1/12	(D9)
10	Minit Mesyuarat JKKK 4/1/13	(D10)
11	Minit Mesyuarat JKKK 3/10/14	(D11)
12	Minit Mesyuarat JKKK 1/12/14	(D12)
13	Notis panggilan mesyuarat	(D13)
14	Minit Mesyuarat (draf) bertarikh 9/7/07	(D14)
15	Majlis Dialog bertarikh 28/9/13	(D15)
16	Dasar Jabatan Perikanan	(D16)
17	Maklumat KENKA 2 bot	(D17)
18	Maklumat hukuman	(D18)
19	Maklumat pengezonan semula	(D19)
20	Statistik bot berdaftar - Kerian	(D20)
21	Statistik aduan/tangkapan Jabatan Perikanan	(D21)
22	Statistik 2012-2014	(D22)
23	Contoh borang pemeriksaan bot	(D23)
24	Contoh borang permohonan lesen	(D24)
25	Carta aliran tugas - APMM	(D25)
26	Maklumat Penggunaan Pukat kenka	(D26)
27	Keratan Akhbar Berita Harian	(D27)
28	Keratan Akhbar Sinar Harian	(D28)
29	Keratan Akhbar Buletin Harian	(D29)
30	Keratan Akhbar Berita Nasional	(D30)

31	Keratan Akhbar Sinar Harian	(D31)
32	Keratan Akhbar KOSMO	(D32)
33	Keratan Akhbar Utusan Online	(D33)
34	Senarai bot puklat kenka 2 bot	(D34)
35	Tangkapan bot nelayan puklat kenka	(D35)
36	Tangkapan bot puklat kenka dua bot APMM 2012	(D36)
37	Tangkapan bot puklat kenka dua bot APMM 2013	(D37)
38	Tangkapan bot puklat kenka dua bot APMM 2014	(D38)
39	Tangkapan bot puklat kenka dua bot APMM 2015	(D39)
40	Senarai pindahmilik 2013	(D40)
41	Senarai pindahmilik 2014	(D41)
42	Senarai pindahmilik 2015	(D42)